



100-9/1/2 (1)

KENYATAAN MEDIA

SEMAKAN PANGGILAN PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA 3.0 SIRI 2/2025 **BERMULA HARI INI**

1. Sukacita dimaklumkan bahawa panggilan kemasukan pelatih ke Program Latihan Khidmat Negara Siri 2/2025 telah dibuka bermula 22 April 2025 dan boleh disemak melalui laman sesawang rasmi <https://jlkn.mod.gov.my/>.
2. PLKN Siri 2/2025 akan bermula pada 11 Mei sehingga 24 Jun 2025 selama 45 hari bertempat di Kem Rejimen 515 Askar Wataniah, Kuala Lumpur dan Kem Rejimen 505 Askar Wataniah, Pekan Pahang.
3. Dijangkakan seramai 550 orang pelatih akan terpilih bagi siri 2/2025 dan sepanjang program tersebut pelatih akan diberikan pendedahan terhadap Latihan fizikal, mental dan sivik. Modul-modul latihan berintegrasikan 70% Latihan Asas Ketenteraan dan 30% berdasarkan komponen kenegaraan. Bagi modul Latihan Asas ketenteraan para pelatih akan dilengkapi dengan kemahiran asas ketenteraan, dasar keselamatan negara, asas kesejahteraan hidup Malaysia MADANI dan kemahiran kepimpinan. Manakala modul Komponen Kenegaraan akan mendedahkan pelatih dengan latihan tentang elemen jati diri, patriotisme dan memperkukuh perpaduan.
4. Sebarang pertanyaan berkenaan PLKN 3.0 boleh diajukan ke Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) seperti maklumat berikut :-

Laman sesawang rasmi: <https://jlkn.mod.gov.my/>

No Tel: 03-40133631/
03-40133618 - Unit Pelatih

Emel: info.jlkn@mod.gov.my

-TAMAT-

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA"

Jabatan Latihan Khidmat Negara
Kementerian Pertahanan Malaysia
22 April 2025

